

UMNO tubuh jawatankuasa khas siasat tuduhan Fauzi

UMNO 1 APR 2001

Oleh ZUKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 31 Mac — UMNO hari ini menubuhkan sebuah jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat segala tuduhan oleh Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengenai politik wang dan dakwaan penyelewengan melibatkan Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob.

Serentak itu Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Maha-

thir Mohamad berkata, mesyuarat Bahagian UMNO Kuantan akan ditangguhkan sehingga proses siasatan selesai.

● **Serah surat kepada speaker — Muka 3**

● **Reaksi Khalil, Fauzi — Muka 3**

Mengenai kedudukan Khalil, beliau berkata, ia tidak terjejas kerana prinsip UMNO ialah seseorang itu tidak dianggap bersalah selagi belum terbukti bersalah.

“Jawatankuasa khas ini ditubuhkan di bawah Lembaga

Disiplin UMNO kerana kita mahu orang yang berkecuali dan tidak ada kena-mengena (dengan pihak yang disiasat).

“Siasatan akan dibuat secepat mungkin mengenai penyelewengan dalam kerajaan (Pahang) dan berkenaan sebuah syarikat yang disebut (dalam tuduhan Fauzi).

“Kita minta semua pihak memberi kerjasama supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang terlibat dengan politik wang atau lain-lain dakwaan yang dibuat oleh

Fauzi,” katanya selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini.

Mesyuarat tiga setengah jam itu membincangkan mengenai dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Fauzi di Kuantan, Khamis lalu.

Khamis lalu Fauzi membuat kejutan apabila mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Beserah dan semalam, beliau telah menyerahkan su-

rat peletakan jawatan ke pihak Menteri Besar Pahang.

Antara alasan yang diberikan oleh Fauzi ialah kerana merasakan dirinya tidak diperlukan oleh UMNO bahagiannya sendiri berikutan trend pencalonan cawangan yang tidak memihak kepadanya.

Menurutnya, tindakan itu juga diambil kerana tidak berpuas hati dengan perbuatan menyogok, memberi hamper dan sebagainya yang berlaku

■ **Lihat muka 4**

UMNO tubuh jawatankuasa khas siasat tuduhan Fauzi

UM 1 APR 2001

semasa pemilihan peringkat cawangan sekarang.

Fauzi menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding 29 yang diterima oleh Naib Ketua UMNO bahagian itu, Datuk Faisal Abdullah dan 20 pencalonan oleh Timbalan Ketua UMNO bahagian, Datuk Wan Adnan Wan Mamat.

Sebelum itu beliau turut membuat laporan polis terhadap Khalil berhubung dakwaan Setiausaha Agung UMNO itu menyelewengkan sumber kewangan negeri semasa menjadi Menteri Besar Pahang.

Dr. Mahathir berkata, beliau mahu mengingatkan kepada pihak yang membuat tuduhan bahawa tindakan juga akan diambil terhadap mereka jika terbukti ia tidak berasas.

“Bila nak buat tuduhan mesti ada asas kerana ia (kelak akan) memburukkan parti,” katanya.

Menjawab satu soalan mengapa Lembaga Disiplin memberi perhatian terhadap kes Fauzi sedangkan ada kes-kes lain berkaitan politik wang, Dr. Mahathir berkata:

“Kerana mereka mahu berbuat sesuatu untuk memusnahkan parti.

“Yang lain, cuma aduan sahaja, tidak ada buat kenyataan-kenyataan apa-apa...cuma aduan secara terus kepada kita sebab itu kita memberi perhatian.”

Mengulas setakat mana siasatan akan dibuat, Dr. Mahathir menegaskan:

“Kita akan siasat semua secara serius. Kita tak suka politik wang dan jika ada bukti, tindakan akan diambil.

“Tak kira lapisan mana, siapa juga, kalau betul (melakukan politik wang), tindakan akan diambil.”